

1983

KUALA LUMPUR, 6 OGOS (BERNAMEA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MENE-
GASKAN PERLUNYA MEMPERKUATKAN PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA
(BERNAMEA) UNTUK TUGAS PEMBERITAAN DALAM DAN LUAR NEGERI SELARAS
DENGAN MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MENGENDALIKAN SISTEM KOMUNIKASINYA
SENDIRI.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA SEHINGGA KINI, NEGARA MASIH AMAT
BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK PERALATAN DAN JUGA
KOMUNIKASI SOFTWARE.

MALAYSIA, TEGASNYA, PERLU BERUSAHA UNTUK MENCAPAI KEMAMPUAN ME-
NGENDALIKAN SISTEM KOMUNIKASINYA SENDIRI.

+MASANYA TELAH TIBA UNTUK MEMPERKUATKAN KEMUDAHAN KOMUNIKASI
SENDIRI DAN ANTARA LAINNYA, MEMPERKUATKAN AGENSI BERITA NASIONAL
UNTUK TUGAS PEMBERITAAN DALAM DAN LUAR NEGERI, + TAMBAH BELIAU
SEMASA MERASMIKAN SIMPOSIUM KE ARAH DASAR KOMUNIKASI NEGARA DI PU-
SAT PEMBANGUNAN ASIA-PACIFIC (APDC) DI SINI.

KENYATAAN ITU JELAS MENUNJUKKAN SOKONGAN PERDANA MENTERI
KEPADA CADANGAN BERNAMEA UNTUK MENGAMBIL-ALIH PENYALURAN BERITA-
BERITA DARI AGENSI-AGENSI ASING KEPADA AKHBAR-AKHBAR DAN LAIN-LAIN
PELANGGAN TEMPATAN.

CADANGAN BERNAMEA ITU YANG DIUMUMKAN OLEH MENTERI PENERANGAN,
ENCIK ADIB ADAM, BARU-DARU INI TELAH MENIMBULKAN BANTAHAN DAN KRI-
TIKAN DARI AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN DAN PERSATUAN PENERBIT MALAYSIA. --
LAGI 1355/ZCM

MAHATHIR-BERNAMEA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERBINCANGAN MENGENAI PERATURAN
PENERANGAN DUNIA BARU (NEW WORLD INFORMATION ORDER) TELAH MENARIK
PERHATIAN DUNIA SELAMA HAMPIR DUA ABAD, +DAN WALAUPUN SOAL BERDIKARI
INI SENTIASA DILAUNGAN, TETAPI MALANGNYA PENCAPAIAN TIDAK BEBERAPA

PENGALIRAN SEHALA MASIH TERUS WUJUD, TAMBAH BELIAU. +AMATLAH TIDAK
ADIL BAGI AGENSI-AGENSI BERITA NEGARA MAJU DAPAT MENYEBAR DAN
MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN DARI SEBARANG BERITA, TETAPI AGENSI-AGENSI
DARI NEGARA SEPERTI MALAYSIA TIDAK MENDAPAT LANGGANAN DARI MEDIA DI
NEGARA MAJU.

+AMATLAH TIDAK ADIL TERDAPATNYA PENGALIRAN HANG DARI YANG MISKIN
KEPADA YANG KAYA+.

PERDANA MENTERI MENEKANKAN KERJASAMA SERANTAU PERLU DIPERKUKUHKAN
DALAM USAHA MENGURANGKAN KESETIDAK-SEIMBANGAN PENGALIRAN MAKLUMAT
DARI NEGARA MAJU KE ARAH MEMBANGUN DAN BAHAN-BAHAN PENYIARAN, SAMA
ADA DOKUMENTARI, MAHUPUN HIBURAN, PERLU DIUSAHAKAN SENDIRI TANPA
BERGANTUNG KEPADA SUMBER LUAR.

+LANGKAH-LANGKAH INI ADALAH PERLU KERANA SISTEM KOMUNIKASI DAN
PENERANGN TEMPATAN YANG LEMBAB DAN LEMAH AKAN MENGAKIBATKAN
PENERANGAN UNSUR-UNSUR YANG TIDAK BERSINI+, TAMBAH BELIAU.

MAHATHIR-BERNAME 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU DI SAMPING ITU, MALAYSIA JUGA PERLU MELIBATKAN DIRI DALAM RANGKAIAN KERJASAMA SERANTAU DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN UNTUK MENINGKATKAN KECEKAPAN YANG MEMUASKAN SAMBIL MENGADAKAN PERTUKARAN BERSAMA BAGI MEMELIHARA IDENTITI DAN KEPENTINGAN SERANTAU INI.

BELIAU BERKATA PERKEMBANGAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI MODEN WALAUPUN MEMPUNYAI MANFAATNYA, SEBAGAIMANA DENGAN BANYAK PERKARA LAIN JUGA, BOLEH MENIMBULKAN IMPLIKASI TERTENTU KHUSUSNYA KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI INI, SELAIN DARIPADA AKAN MEWUJUDKAN KETIDAK-SEIMBANGAN, AKAN MEMBOLEHKAN PIHAK YANG MEMPUNYAI TEKNOLOGI MODEN MENGUASAI PIHAK YANG LEMAH DARI SEGI TEKNOLOGI ITU.

+BAGI KITA IA BOLEH MENGGUGAT HASRAT DAN CITA-CITA KITA UNTUK MENGUKUHKAN FALSAFAH DAN CARA HIDUP KITA SENDIRI. NILAI-NILAI YANG INGIN KITA PUPUK AKAN MENJADI SUKAR UNTUK DILAKSANAKAN+.

PERDANA MENTERI BERKATA IMPLIKASI YANG BESAR IALAH MEREKA YANG MENGAWAL MAKLUMAT, YANG SECARA TIDAK LANGSUNG JUGA MEMEGANG KUASA MUNGKIN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI SEMATA-MATA UNTUK KEBAIKAN ATAU KEPENTINGAN SENDIRI TANPA MENGHIRAUKAN KEPENTINGAN ORANG LAIN.

--LAGI 1416/AN

MAHATHIR-BERNAME 4 KUALA LUMPUR

BELIAU LALU MEMBERI CONTOH PEMBUKAAN SEBUAH PUSAT KOMUNIKASI SATELIT PERTAMA DI DUNIA OLEH AMERIKA SYARIKAT JUN LALU YANG KATANYA TENTULAH KEMAMPUAN MAKLUMAT SEPERTI ITU AMAT MENAKJUBKAN TETAPI DI SEBALIKNYA PULA, IA JUGA MEMBIMBANGKAN.

KATANYA SETIAP NEGARA MAJU BERLUMBA-LUMBA UNTUK MENGUASAI MAKLUMAT YANG ADA DALAM SEGALA BIDANG DAN APA JUAPUN.

+KERANA ITU NEGARA HENDAKLAH MEMESATKAN PEMBANGUNAN MEDIA YANG WUJUD SEKARANG DAN JUGA KEMUDAHAN SERTA LATIHAN BAGI MENGENDALIKAN SISTEM KOMUNIKASI DAN MAKLUMAT YANG BARU+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JENIS-JENIS TENAGA MAHIR YANG DIPERLUKAN TERMASUKLAH MEREKA YANG DAPAT MENGELUAR DAN MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN KOMUNIKASI YANG MENGUMPUL DAN MENYEBAR MAKLUMAT DAN MEREKA YANG TERLIBAT DALAM OPERASI PERALATAN KOMUNIKASI TERSEBUT.

+APA YANG DAPAT DIRAMALKAN IALAH JENIS-JENIS PEKERJAAN DALAM BIDANG INI AKAN MENJADI LEBIH KHUSUS DAN SEBARANG KEKURANGAN DALAM LATIHAN DAN KEPAKARAN AKAN MENYEBABKAN KEGAGALAN DALAM MENCAPAI OBJEKTIF BERDIKARI+, TEGASNYA.

--LAGI 1430/AN

ZCZC 0558

MAHATHIR-BERNAMA 5 KUALA LUMPUR

DALAM MENEKANKAN KEPERLUAN MEMBINA KEMAMPUAN PENGENDALIAN SISTEM KOMUNIKASI NEGARA, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA MEDIA INTER-PERSONAL TIDAK HARUS DIKETEPIKAN.

KATANYA INI ERLU MEMANDANGKAN MALAYSIA MEMPUNYAI PRINSIP-PRINSIP HIDUP BERMASYARAKAT, BERGOTONGROYONG, BERMESYUARAH, HORMAT-MENGHORMATI DAN KEMESRAAN BERSAMA YANG TELAH MENJADI AMALAN DAN SEMANGAT INI PERLU SENTIASA DIPUPUK SEBAGAI SALURAN KOMUNIKASI YANG PENTING.

PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA MEDIA KOMUNIKASI MENYAMPAIKAN MESEJ DAN MAKLUMAT KERAJAAN KEPADA RAKYAT DENGAN JELAS SUPAYA TIDAK TIMBUL SALAH FAHAM DAN SALAH TAFSIRAN.

SALAHFAHAM MENGENAI MESEJ-MESEJ KERAJAAN AKAN BERLAKU APABILA MEDIA KOMUNIKASI MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL MEREKA TERHADAP NEGARA DAN RAKYAT.

+INI BERMAKNA MEDIA-MEDIA TERSEBUT AKAN CUBA MEMBERI INTERPRETASI KE ATAS ISU DAN MASALAH NEGARA DARI KACAMATA MEREKA SEMATA-MATA YANG BERASASKAN NILAI-NILAI MEREKA SENDIRI ATAU NILAI-NILAI KEBARATAN YANG MUNGKIN TIDAK SEJAJAR DENGAN NILAI-NILAI KEBANGSAAN+.

MEREKA INI SANGGUP MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DEMI MENDAPAT KEUNTUNGAN ATAU NAMA DAN AKIBATNYA AKAN MENCETUSKAN PENYALAHGUNAAN HAK KEBEBASAN YANG MUNGKIN MENIMBULKAN HURU-HARA DI DALAM NEGARA.

--BERNAMA 1439/AN

ZCZC 0559

MAHATHIR-BERNAMA 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA PERANAN MEDIA TERSEBUT HANYALAH SETAKAT MENYEBARKAN PENERANGAN, MESEJ DAN MENIMBULKAN KESEDARAN UNTUK MELIBATKAN PENYERTAAN RAKYAT DALAM PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KERAJAAN SAHAJA.

KATANYA MEREKA MESTI JUGA MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI JENTERA UNTUK MENYALURKAN MAKLUMBALAS, MENGENALPASTI KEPERLUAN DAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN SERTA UNTUK MENGESAN DAN MENILAI PRESTASI MATLAMAT PEMBANGUNAN KESELURUHANNYA TETAPI TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN ALAT UNTUK MENGGUGAT PRINSIP-PRINSIP ASAS YANG TELAH DITERIMA.

+APA YANG KITA PERLUKAN IALAH MAKLUMBALAS YANG KRITIKAL, TETAPI SIHAT DAN MEMBINA YANG AKAN DAPAT MEMBIMBING KERAJAAN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH RAKYAT, DALAM USAHA-USAHA BAGI MENJAMIN PENCAPAIAN MATLAMAT DAN OBJEKTIF NEGARA+.

--BERNAMA 1443/AN